

14/01/1998

Swasta patut utama penyelidikan: PM

Azizi Othman

SEKTOR swasta tempatan perlu peka terhadap kepentingan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan tidak terlalu mengharap galakan daripada kerajaan untuk menjalankan usaha itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sektor swasta perlu sedar bahawa kegiatan R&D adalah amat penting dalam menentukan kesinambungan operasi serta daya saing mereka pada masa depan.

Katanya, kemampuan memperolehi teknologi dan mencipta yang baru adalah penting dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 kerana keupayaan sektor swasta Malaysia bersaing di pasaran dunia, bergantung kepada teknologinya.

Sehubungan itu, katanya, sektor swasta perlu faham insentif yang paling berharga dalam aktiviti R&D adalah keuntungan yang bakal diperolehi jika mereka berjaya memanfaatkan hasil penyelidikan.

"R&D ini untuk kebaikan mereka sendiri. Takkanlah bila nak sesuatu saja kita perlu tanya sama ada kerajaan memberikan insentif atau tidak," katanya kepada pemberita di Bangi, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menggambarkan kekecewaannya ketika diminta mengulas mengenai sejauh mana kerajaan berpuas hati dengan pembabitan sektor swasta dalam kegiatan R&D.

Ia juga menggambarkan mentaliti sektor swasta tempatan yang terlalu bergantung dan mengharap kepada kerajaan untuk memberikan galakan kepada mereka supaya melakukan sesuatu, walaupun ia untuk kebaikan mereka sendiri.

"Mereka akan dapat untung kalau gunakan teknologi yang diperolehi. Kalau agensi kerajaan boleh untung (dengan mengomersilkan hasil R&D), saya rasa sektor swasta lagi untung," katanya.

Dalam sidang akhbar itu, beliau juga membidas kecenderungan syarikat swasta yang culas dalam meningkatkan daya saing mereka menerusi R&D, sebaliknya lebih cenderung mencari keuntungan cepat.

"Di Malaysia ini kita (swasta) bukan saja tak menyelidik, tapi kita juga tak pergunakan hasil penyelidikan. Yang mudah sekali buat rumah (kemudian) jual. Ini tidak memerlukan otak yang geliga sangat," katanya.

Sebagai penyelesaiannya, beliau mencadangkan swasta di negara ini mencontohi syarikat Jepun yang melihat potensi hasil R&D sebagai sesuatu yang mampu memberi keuntungan besar jika dimanfaatkan.

Bagaimanapun, mencerminkan komitmen kerajaan menggalakkan R&D, Dr Mahathir berkata, kerajaan terus menyediakan peruntukan besar bagi membiayai program berkenaan khususnya sektor awam, dan menyediakan insentif kepada swasta.

"Walaupun R&D memerlukan peruntukan yang besar, kita perlu melihatnya sebagai satu pelaburan jangka panjang yang penting untuk meningkatkan daya saing barangan keluaran negara," katanya.

(END)